

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI ABDUL AZIZ
KAWASAN : RAUB
TARIKH : 11.6.2014 (RABU)
NO. SOALAN : 69

Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI ABDUL AZIZ (RAUB) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan:

- (a) berapakah jumlah pemegang AP kereta di negara ini; dan
- (b) daripada jumlah tersebut, berapa banyakkah dari kalangan pemegang AP itu adalah Bumiputera.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan Dasar Ekonomi Baru, objektif utama dasar pemberian Lesen Import (AP) Terbuka yang diperkenalkan pada tahun 1970 adalah untuk menggalakkan usahawan Bumiputera bergiat dalam sektor automotif. Kerajaan juga telah

memperkenalkan AP Francais pada tahun 1997 selaras dengan komitmen pembukaan pasaran automotif. Pemberian AP Terbuka adalah kepada peniaga kenderaan Bumiputera sahaja di mana setiap syarikat pemegang AP hendaklah dimiliki sepenuhnya (100%) oleh Bumiputera. Bagi AP Francais pula, sebanyak 30% pegangan saham boleh dimiliki oleh bukan Bumiputera bagi menggalakkan usahasama di antara Bumiputera dan bukan Bumiputera. Jumlah syarikat pemegang AP kereta adalah seperti berikut:

- i. syarikat AP Terbuka sebanyak 100 syarikat; dan
- ii. syarikat AP Francais sebanyak 23 syarikat.